

02 FEB 2003

Lee-Yayasan/I

YAYASAN PERPADUAN NEGARA UNTUK GALAKKAN PERPADUAN DICADANGKAN

KUALA LUMPUR, 2 Feb (Bernama) -- Sebuah Yayasan Perpaduan Negara patut ditubuhkan bagi membolehkan rakyat Malaysia terlibat dalam pelbagai aktiviti yang menggalakkan perpaduan di negara ini, kata seorang anggota Panel Penasihat Perpaduan Negara Tan Sri Lee Lam Thye hari ini.

Beliau berkata kerajaan boleh mengusahakan penubuhan yayasan itu manakala sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta tokoh-tokoh terkemuka Malaysia melaksanakan pelbagai aktiviti dengan melibatkan seluruh rakyat Malaysia.

"Ia banyak bergantung kepada generasi muda kita yang perlu berusaha gigih untuk mengatasi polarisasi di semua peringkat terutamanya di sekolah-sekolah dan universiti-universiti," katanya dalam satu kenyataan.

Dengan mempunyai asas kukuh bagi pembinaan negara, rakyat Malaysia patut mulai sekarang berusaha mencapai satu "Bangsa Malaysia", katanya.

"Ini bukannya tugas mudah tetapi lambat laun kita akan mampu mencapainya," katanya.

Lee juga menggesa semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum untuk menyokong hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu melindungi dan memulihara identiti dan budaya pelbagai kaum yang unik di Malaysia.

"Gesaan PM untuk melindungi dan memulihara identiti pelbagai budaya kita amat relevan bagi negara pelbagai kaum kita yang pada hari ini diakui di dunia sebagai contoh bagaimana masyarakat pelbagai kaum dapat hidup dengan aman dan harmoni dan sama-sama berusaha untuk mencapai kemajuan dan kesejahteraan negara," katanya.

Beliau berkata sebagai sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, agama dan bahasa, Malaysia sememangnya unik dalam membuktikan bagaimana perbezaan itu dapat disatukan dan dipupuk dalam membina negara.

"Setelah mencapai kemerdekaan selama 44 tahun, kita perlu teruskan dengan semangat lebih jitu dan penuh keazaman untuk berusaha membina sebuah negara pelbagai kaum yang bersatu padu demi kemakmuran bersama," katanya.

-- BERNAMA

SHI KHY RHM